

# Lawatan UMK Ke UniMAP

**20 Oktober 2008**

Seramai 28 kakitangan perintis Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan lawatan kerja ke Universiti Malaysia Perlis pada 19 hingga 20 Oktober 2008 lalu. Lawatan tersebut bertujuan untuk bertukar pandangan di antara kakitangan perintis UMK dan UniMAP mengenai pembangunan UniMAP. Turut serta dalam lawatan itu adalah Naib Canselor Universiti Malaysia Kelantan, Y.Bhg. Prof. Ir. Dr. Zainai Mohamed. Rombongan ini turut dibawa melawat sekitar kampus UniMAP termasuk tapak kampus tetap yang terletak di Ulu Pauh. Di akhir lawatan, rombongan tersebut diraikan dalam satu majlis Makan Malam Bersama Naib Canselor yang diadakan di Dewan Kapitol UniMAP.

